

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT
[LUBOK ANTU]
TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian bertindak dalam membantu sekolah-sekolah terutamanya di Parlimen Lubok Antu yang memerlukan sejumlah peruntukan untuk membaiki sekolah-sekolah yang daif keutamaan seperti SMK Engkilili.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke -11 (RMKe-11), iaitu bagi tahun 2016 sehingga tahun 2020, sejumlah RM3.055 billion telah diluluskan untuk projek naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif bagi 773 buah sekolah di seluruh negara. Peruntukan ini digunakan untuk menaik taraf atau membina semula bilik darjah, asrama, bangunan pentadbiran dan kemudahan lain.

Daripada keseluruhan peruntukan tersebut, sejumlah RM415.0 juta adalah untuk menaik taraf dan pembangunan semula 245 buah sekolah di Semenanjung Malaysia. Sejumlah RM1.388 bilion lagi untuk naik taraf dan pembangunan semula 291 buah sekolah di Sarawak manakala baki RM1.252 bilion adalah untuk naik taraf dan pembangunan semula 237 buah sekolah di Sabah.

Bagi kawasan Parlimen Lubuk Antu khususnya, terdapat tiga (3) sekolah yang terlibat dalam projek naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah, iaitu melibatkan SK Nanga Kesit, SK Skrang dan SK Batang Ai. Kos bagi ketiga-tiga projek ini adalah berjumlah RM15.5 juta.

Projek naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif bagi SK Nanga Kesit melibatkan skop pembinaan enam (6) bilik darjah, empat (4) unit rumah guru dan satu (1) bilik sains. Kerja-kerja pembinaan projek ini telah dimulakan pada 10 Julai 2020.

Bagi SK Skrang pula, skop projek adalah pembinaan lapan (8) unit kuarters. Manakala, bagi projek SK Batang Ai, skop projek merangkumi pembinaan asrama berkapasiti 100 murid dan enam (6) unit kuarters. Kedua-dua projek ini masih dalam fasa pra bina dan penyediaan dokumen tender dijangka selesai pada bulan Ogos 2020.

Merujuk kepada pembinaan gantian penuh Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, projek tersebut telah diluluskan di bawah Projek Khas Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) untuk tahun 2020. Skop projek meliputi pembinaan enam (6) bilik darjah, asrama berkapasiti 200 murid, empat (4) unit rumah guru dan kemudahan lain mengikut piawai. Pada masa ini, projek sedang di dalam fasa perancangan seperti reka bentuk dan penyediaan dokumen tender. Pembinaan projek dijangka akan bermula pada awal tahun 2021.

Sekian, terima kasih.